

Sebanyak 20 struktur seni cahaya bertema 'Cahaya dan Alam' bakal menyinari kawasan Marina Bay Waterfront dari 3 hingga 26 Mac ini sempena Pesta i Light Marina Bay. Gah! memaparkan karya seni daripada dua institusi pengajian tinggi, Politeknik Nanyang dan Raffles College of Higher Education, serta salah satu struktur seni cahaya rekaan arkitek dan pendidik berpengalaman dari Indonesia, Encik Eko Agus Prawoto. NURMAYALIAS (nurmayaa@sph.com.sg) melaporkan.

# Nikmati cahaya sambil rakam struktur

SEMASA kegunaan permainan Pokemon Go, ramai orang suka mengambil gambar watak-watak Pokemon yang berlatarbelakangkan sesebuah tempat di Singapura menerusi telefon bijak.

Ini boleh dilakukan kerana wujudnya teknologi realiti luasan berperantara (augmented reality atau AR) yang menindih watak Pokemon dalam permainan, kepada masa nyata.

Merujuk kepada permainan itu sebagai salah satu inspirasi, Cik Nur Najiba Mohammad Noh, 19 tahun, dan Encik Shukran Shukor, 20 tahun, dari Politeknik Nanyang, menjelaskan bahawa pengunjung boleh menikmati pengalaman yang sama apabila mereka mengunjungi struktur seni cahaya, Ataraxia, sempena Pesta i Light Marina Bay 2017.

Pengunjung digalakkan memuat turun aplikasi telefon bijak Ataraxia apabila mereka pergi ke tempat-tempat struktur seni cahaya tersebut.

Di sana, mereka boleh melihat dan mengambil gambar binatang yang muncul di skrin telefon bijak berlatarbelakangkan struktur seni cahaya Ataraxia.

Struktur seni cahaya tersebut

akan dipamerkan di laluan pejalan kaki di kawasan Marina Bay Waterfront Promenade.

"Ini membuat struktur seni cahaya itu lebih interaktif buat pengunjung.

"Pengunjung bukan sahaja boleh melihat dan menikmati cahaya berwarna-warni semasa berjalan di struktur itu, bahkan boleh memetik gambar binatang yang dihasilkan daripada teknologi AR," jelas Cik Nur Najiba yang lebih terlibat dari aspek rekaan dan perancangan projek.

Beliau bersama Encik Shukran, kedudunya pelajar tahun kedua, merupakan antara 12 pelajar Politeknik Nanyang dari Sekolah Media dan Rekaan Interaktif yang terlibat dalam menghasilkan struktur seni cahaya Ataraxia.

Ia diperbuat daripada bahan meralam termasuk menggunakan lampu LED.

Menurut Encik Shukran, bentuk struktur seni cahaya yang berkontur diilhamkan daripada aneka jenis karang di bawah permukaan air.

Bagi menambahkan lagi unsur interaktif, pengunjung boleh memutar-kan bentuk kontur bagi menukar warna struktur.

"Kami harap akan bangkit perasaan tenang dan tenteram di kalangan pengunjung sambil mereka menikmati cahaya warna-warni di struktur ini," kata Encik Shukran yang membuat pemasangan wayar dan kejuruteraan.

Beliau menambah bahawa kumpulannya telah mendapat bimbingan daripada pensyarah mereka, Encik Craig Neo.

Struktur seni cahaya itu pernah dipamerkan di Pesta Cahaya Antarabangsa Guangzhou 2016 tetapi ia belum mempunyai unsur AR ketika itu.

Cik Nur Najiba dan Encik Shukran ghairah ingin melihat reaksi pengunjung di Pesta i Light Marina Bay 2017 nanti.

"Kami juga agak kluatir tentang keadaan cuaca tetapi kami sudah mempunyai back up plan," kata Encik Shukran.

Menerusi pembinaan struktur tersebut, keddua pelajar serta beberapa anggota lain berpeluang mempelajari pelbagai modul seperti pembangunan aplikasi telefon bijak yang sepatutnya mereka pelajari di tahun ketiga.



MENYIAPKAN STRUKTUR SENI CAHAYA. Cik Nur Najiba Mohammad Noh dan Encik Shukran Shukor adalah antara 12 pelajar Politeknik Nanyang yang menghasilkan struktur seni cahaya, Ataraxia. Cik Nur Najiba memegang salah satu kontur pemancar cahaya manakala Encik Shukran bertanggungjawab daripada aspek pemasangan wayar dan kejuruteraan. - Foto JOHARRAHMAT